



## DASAR KUALITI

Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS) adalah komited untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan dalam **Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal** supaya dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa, kaedah dan peraturan-peraturan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Dengan pelaksanaan SPK ini JPNNS komited dalam memenuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh pihak yang berkepentingan seperti KeTSA, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelesen. JPNNS percaya perkara ini dapat dicapai melalui penerapan budaya kerja yang memenuhi keperluan standard MS ISO 9001:2015 pada semua peringkat kakitangan dalam melaksanakan SPK yang berkesan dengan komitmen yang tinggi dari pengurusan atasan hingga ke peringkat bawahan.

JPNNS akan mengenal pasti dari masa ke semasa kelemahan-kelemahan dalam organisasi dan mengambil langkah-langkah penambahbaikan dengan penglibatan semua tenaga kerja untuk menambah baik secara berterusan SPK di JPNNS.

Dasar Kualiti ini menjadi rangka kerja dalam penetapan objektif-objektif kualiti SPK di JPNNS. Pengarah Perhutanan Negeri, Ketua Seksyen, Pegawai Hutan Daerah dan Pegawai Renj Hutan akan memantau dan mengkaji prestasi sebenar pelaksanaan objektif-objektif kualiti yang telah ditetapkan di bawah bidang tugas serta tanggungjawab masing-masing dan mengambil tindakan segera apabila prestasi pelaksanaan tidak mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan.

HAMIDI BIN ABD HALIM  
Pengarah Perhutanan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tarikh : 15 Oktober 2023